

CERMINAN KONSEP NILAI KEJUJURAN DARIPADA PERSPEKTIF HUKUM ISLAM DALAM CERITA PAK KADOK

(A REFLECTION CONCEPT THE VALUE OF HONEST FROM THE PERSPECTIVE OF ISLAMIC LAW IN
PAK KADOK STORY)

ADNAN, T. S. N. S. T.¹ – YAACOB, M. F. C.^{1*}

¹ *Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: firdaus.cy[at]umk.edu.my*

(Received 01st May 2026; revised 20th May 2026; accepted 28th May 2026)

Abstrak. Makalah ini menelusuri cerminan konsep nilai kejujuran daripada perspektif hukum Islam dalam cerita Pak Kadok. Konsep kejujuran merupakan perilaku terpuji dan menjadi tunjang dari sebuah kebahagiaan dalam segala aktiviti sehari-harian. Oleh itu, sikap kejujuran merupakan salah satu sifat utama Nabi Muhammad SAW dan seseorang yang mengamalkan sikap mulia ini akan mendapat kepercayaan dan kemuliaan di sisi Allah SWT serta masyarakat. Di samping itu, cerita lisan merupakan wahana hiburan yang dapat dijadikan sebagai aktiviti pada waktu lapang dalam kalangan masyarakat dan salah satunya ialah cerita Pak Kadok yang sememangnya popular di Malaysia. Walaupun cerita Pak Kadok memperlihatkan tentang sikap kebodohan, namun disebalik sikap itu masih memiliki kejujuran melalui perbuatan dan percakapan dalam kehidupannya sehari-harian. Oleh hal yang demikian, sikap kejujuran yang dimiliki oleh watak Pak Kadok sewajarnya diangkat ke dalam bentuk penyampaian cerita lisan kepada golongan kanak-kanak, remaja dan dewasa pada hari ini kerana mereka lebih terikut dengan budaya luar. Lantaran itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis konsep nilai kejujuran daripada perspektif hukum Islam dalam cerita Pak Kadok serta dianalisis dengan pendekatan kemasyarakatan. Selanjutnya, reka bentuk kajian ini ialah bersifat kualitatif yang bertunjangkan kaedah kepustakaan dan teks serta pendekatan kemasyarakatan dijadikan sebagai deduktif kajian secara khusus. Justeru, penyelidikan ini telah membuktikan bahawa penyampaian cerita Pak Kadok sewajarnya dijadikan medium pendidikan kepada golongan kanak-kanak, remaja dan dewasa pada hari ini kerana kaya dengan cerminan sikap kejujuran serta sebagai medium untuk membentuk moral positif dalam kalangan masyarakat.

Katakunci: *cerita lisan, kejujuran, hukum Islam, Pak Kadok*

Abstract. This paper explores the reflection of the concept of the value of honesty from the perspective of Islamic law in Pak Kadok story. The concept of honesty is a commendable behavior and becomes the backbone of happiness in all day-to-day activities. Therefore, the attitude of honesty is one of the main characteristics of the Prophet Muhammad SAW and a person who practices this noble attitude will gain trust and glory in the eyes of Allah SWT and society. In addition, oral stories are a means of entertainment that can be used as leisure activities among the community and one of them is Pak Kadok story which is very popular in Malaysia. Although Pak Kadok story shows an attitude of stupidity, behind that attitude he still has honesty through his actions and conversations in his daily life. Therefore, the honesty possessed by Pak Kadok character should be taken into the form of delivering oral stories to children, teenagers and adults today because they are more influenced by outside culture. Therefore, this study aims to identify and analyze the concept of the value of honesty from the perspective of Islamic law in Pak Kadok story and analyzed with a societal approach. Furthermore, the design of this study is qualitative based on library and text methods as well as the community approach used as a deductive study specifically. Thus, this research has proven that the presentation of Pak Kadok story should be used as a medium of education for children, teenagers and adults today because it is rich in the reflection of honesty and as a medium to form positive morals in the community.

Keywords: *oral story, honest, Islamic law, Pak Kadok*

Pengenalan

Cerita rakyat merupakan salah satu kesusasteraan Melayu yang tertua ditemui dalam komuniti. Menurut Kemalok dan Mohamed (2020) cerita rakyat ialah satu kesusasteraan lisan yang disampaikan oleh penglipur lara. Cerita rakyat ini disampaikan untuk dijadikan nasihat atau pedoman kepada komuniti. Nasihat atau pedoman yang disampaikan mampu memperbaiki akhlak komuniti setempat. Kenyataan ini disokong oleh Rahman et al. (2021) cerita rakyat didefinisikan sebagai sebuah cerita lisan yang disampaikan secara turun-temurun. Cerita rakyat dilihat sebagai satu wadah dalam membina kebudayaan masyarakat setempat. Kesannya, kebudayaan yang dibentuk daripada citra cerita rakyat mampu dikekalkan dan diwariskan kepada generasi muda. Nilai kejujuran merupakan satu perbuatan atau percakapan yang mengakui kebenaran. Menurut Yaacob dan Abdillah (2017) nilai kejujuran ialah satu sifat terpuji yang diamalkan oleh manusia berhati mulia. Hal ini kerana manusia itu mampu mengimbangi hawa nafsu dengan bertindak secara rasional. Pemikiran manusia mampu dikawal lalu membolehkan mereka untuk mengakui kebenaran. Kenyataan ini disokong oleh Rahman et al. (2017) yang mentakrifkan nilai kejujuran ialah tindakan amanah yang menuntut seseorang individu untuk menjaga privasi atau rahsia masyarakat dengan baik. Setiap tindakan individu itu dilaksanakan dengan ikhlas tanpa meminta balasan. Kesannya, sikap kejujuran yang dipupuk dalam diri mampu membina kepercayaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat.

Sorotan literatur

Pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas demi melihat kelompongan kajian sebelum ini. Pertama, kajian lepas yang bertajuk Alam dan Budaya Masyarakat Melayu dalam Hikayat Pelanduk Jenaka oleh Bakar dan Van Engelenhoven (2016). Kajian ini memperlihatkan corak kehidupan manusia yang diterapkan dalam watak binatang dalam sesebuah cerita rakyat. Oleh itu, kajian dilakukan bagi tujuan mengenal pasti dan menganalisis corak kebudayaan yang dimiliki masyarakat Melayu menerusi cerita rakyat. Kajian ini membataskan untuk meneliti kebudayaan masyarakat Melayu menerusi Hikayat Pelanduk Jenaka. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kepustakaan dan lapangan sebagai langkah untuk mendapatkan analisis yang mampan. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa aspek kebudayaan masih meliputi kehidupan masyarakat Melayu pada masa kini menerusi penelitian terhadap cerita rakyat. Seterusnya, kajian lepas yang bertajuk Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan, Malaysia oleh Ismail (2017). Kehidupan masyarakat orang asli Temiar amat menitikberatkan mengenai kepercayaan yang diwarisi sejak turun-temurun. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menganalisis nilai budaya yang dimiliki oleh masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang menerusi cerita rakyat. Kajian ini membataskan untuk meneliti nilai budaya yang terkandung dalam cerita rakyat masyarakat orang asli Temiar di Gua Musang. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kepustakaan dan lapangan bagi mendapatkan maklumat secara terperinci. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa terdapat nilai budaya yang dimiliki dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang sebagai kepercayaan yang utuh dimiliki oleh komuniti tersebut.

Sementara itu, kajian lepas yang bertajuk Cerminan Moral Positif dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu oleh Yaacob et al. (2017). Kajian ini memaparkan cerita rakyat

sebagai kebudayaan yang dipegang teguh oleh bangsa Melayu dalam membina ketamadunan yang unggul. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti dan membincangkan mengenai cerminan moral positif menerusi cerita rakyat Melayu. Kajian membataskan untuk meneliti cerminan moral dalam buku Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu, kepustakaan dan analisis teks untuk mendapatkan maklumat yang jelas. Kajian ini turut menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai pemangkin kepada kajian ini. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa cerminan moral mampu meningkatkan integriti negara menerusi sahsiah mulia yang diterapkan dalam cerita rakyat Melayu. Selain itu, kajian lepas yang bertajuk Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Pewatakan Positif oleh Ismail et al. (2018). Kajian ini memperihalkan mengenai cerita rakyat dalam konteks jenaka mampu memberi pengajaran tersendiri kepada pendengarnya. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan mengenai manifestasi watak dan perwatakan positif menerusi cerita jenaka Melayu. Kajian ini membataskan untuk meneliti tiga buah cerita iaitu, Awang Lurus, Pak Pandir, Pak Kaduk dan Si Luncai bagi mengetahui watak dan perwatakan positif dalam cerita rakyat. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu, kepustakaan dan analisis teks sebagai pengukuhan analisis kajian. Kajian ini juga menggunakan pendekatan Psikologi Humanistik sebagai deduktif kajian. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa cerita jenaka Melayu memiliki watak dan perwatakan yang positif bagi membentuk jati diri masyarakat Melayu.

Di samping itu, kajian yang bertajuk Kisah Sang Kancil dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan dalam Kalangan Kanak-Kanak oleh Mamat (2019). Kajian ini memperlihatkan mengenai kisah dongeng yang menjadi pegangan utuh untuk sesebuah bangsa. Kajian ini dilaksanakan bagi tujuan mengenal pasti dan membincangkan mengenai penerapan adab kepimpinan melalui Kisah Sang Kancil dan Memerang dalam kalangan kanak-kanak. Oleh itu, kajian ini membataskan untuk meneliti adab kepimpinan dalam Kisah Sang Kancil dan Memerang. Reka bentuk kajian menggunakan kaedah kualitatif iaitu, kepustakaan dan analisis teks untuk mendapatkan hasil yang mampan. Hasil dapatan mendapati cerita rakyat yang dipaparkan ini memiliki adab kepimpinan menerusi pengolahan watak-wataknya. Sebagai penutupnya, kesusasteraan Melayu mempunyai satu bentuk dimensi yang berpanjangan mampu menarik para pengkaji untuk lebih mendekatinya. Namun begitu, masih terdapat kelompangan yang berlaku dalam kajian-kajian lepas khususnya terhadap nilai kejujuran menerusi cerita rakyat Melayu. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilakukan untuk memartabatkan semula nilai kejujuran dalam cerita rakyat. Akibatnya, cerita rakyat mampu disemai dalam kalangan remaja bagi membentuk sahsiah yang lebih baik dari semasa ke semasa.

Pernyataan masalah

Melalui sorotan kajian di atas, pengkaji mendapati bahawa terdapat kelompangan yang berlaku. Antara kajian lepas yang diteliti ialah Alam dan Budaya Masyarakat Melayu dalam Hikayat Pelanduk Jenaka oleh Bakar dan Van Engelenhoven (2016), Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan, Malaysia oleh Ismail (2017), Cerminan Moral Positif dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu oleh Yaacob et al. (2017), Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Pewatakan Positif oleh Ismail et al. (2018) serta Kisah Sang Kancil dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan dalam Kalangan Kanak-Kanak oleh

Mamat (2019). Melalui kajian lepas, pengkaji melihat terdapat kelompangan dalam pengkajian terdahulu. Hal ini dikatakan demikian apabila pengkaji melihat kebanyakan sarjana menekankan aspek kepimpinan, perwatakan, nilai moral dan nilai-nilai Islam berbanding nilai kejujuran dalam cerita rakyat. Hal ini telah membuatkan nilai kejujuran dalam cerita rakyat kian dipinggirkan oleh para sarjana. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengembalikan aspek nilai kejujuran dalam cerita rakyat kepada masyarakat setempat. Hal ini demikian kerana pengkaji percaya melalui penerapan nilai kejujuran, pembentukan akhlak remaja mampu diperbaiki dari semasa ke semasa. Justeru itu, penerapan nilai kejujuran mampu membendung masalah sosial yang berlaku di negara ini selain mengekalkan warisan Melayu.

Batasan kajian

Pada bahagian ini, kajian ini membataskan untuk meneliti cerita rakyat yang diperolehi melalui buku *Terlajak Sengal Pak Kadok vs Pak Pandir*. Buku ini ditulis oleh Ishak Hamzah pada tahun 2016. Buku ini diterbitkan oleh E Media Multimedia Group. Kajian ingin meneliti nilai kejujuran dalam cerita rakyat yang bertajuk *Pak Kadok*. Watak *Pak Kadok* yang lurus bendul dalam tindakannya telah menarik minat pengkaji untuk meneliti secara mendalam. Di samping itu, kajian ini juga menggunakan teori pengkaedahan Melayu oleh Awang (2019) sebagai pemangkin untuk mendapatkan hasil kajian yang mampan. Pengkaji akan menggunakan pendekatan kemasyarakatan kerana dilihat akrab dengan jati diri masyarakat setempat.

Instrumen dan Metod Kajian

Pada bahagian metodologi, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu berpaksikan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kaedah kepustakaan merujuk kepada pengumpulan maklumat mengenai cerita rakyat dan nilai kejujuran secara terperinci. Kaedah kepustakaan ini dikumpul melalui bacaan bahan ilmiah. Antara bahan ilmiah yang diteliti adalah buku-buku, jurnal-jurnal, tesis dan sumber internet yang sahih. Bahan-bahan ini diperolehi dari Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Perpustakaan Awam Negeri Kelantan, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu dan Perpustakaan Negeri Daerah Hulu Terengganu. Bahan-bahan ini diambil rujukan bagi merumuskan tentang cerita rakyat dan nilai kejujuran. Kaedah kedua dalam kajian ini ialah analisis teks. Kaedah ini menggunakan sebuah buku yang bertajuk *Terlajak Sengal Pak Kadok Vs Pak Pandir*. Buku ini ditulis oleh Ishak Hamzah pada tahun 2016. Menerusi kajian ini, pengkaji mengambil sebuah cerita iaitu *Pak Kadok* bagi menganalisis data secara lebih jelas. Kajian ini turut menggunakan teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan bagi menganalisis cerita jenaka secara lebih jelas. Hal ini kerana pendekatan kemasyarakatan dilihat lebih sinonim dengan gaya hidup masyarakat Melayu khususnya.

Teori pengkaedahan melayu

Pengkaji mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Awang (2019). Teori ini memperlihatkan secara jelas tentang cara hidup masyarakat Melayu yang lebih menitikberatkan tatasusila, adat resam serta kepercayaan bagi setiap anggota masyarakatnya. Elemen yang diserlahkan dalam kehidupan masyarakat Melayu telah membentuk satu kebudayaan yang menjadi jati diri mereka. Oleh itu, pengkaji

menggunakan salah satu pendekatan dalam teori pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan kemasyarakatan. Pendekatan kemasyarakatan mampu dilihat lebih mementingkan kehidupan yang lebih sejahtera dalam kalangan masyarakat Melayu (Awang, 2019). Hal ini disebabkan oleh masyarakat Melayu mengutamakan aspek keimanan dan ketakwaan dalam menyelesaikan permasalahan. Nilai keimanan dan ketakwaan yang digariskan dalam pendekatan ini secara tidak langsung memberi satu perutusan yang besar dalam kesusasteraan Melayu. Justeru itu, masyarakat setempat lebih di dorong untuk melakukan kebaikan berlandaskan keadilan yang saksama antara mereka.

Nilai kejujuran dalam cerita Pak Kadok menurut perspektif Islam

Pada bahagian dapatan, kajian ini akan menganalisis berkenaan dengan nilai kejujuran dalam cerita rakyat yang bertajuk Pak Kadok. Antara nilai kejujuran yang ingin dianalisis adalah jujur dalam berkata-kata, ikhlas dalam perbuatan dan amanah melaksanakan tugas. Nilai kejujuran merupakan tindakan seseorang yang mengiyakan perbuatan yang benar sahaja. Menurut Yaacob (2021) nilai kejujuran ialah ketulusan hati seseorang dalam melaksanakan tugas. Setiap tugas dilaksanakan dengan ikhlas tanpa sebarang keluhan. Setiap tugas diselesaikan secara saksama dan memuaskan hati semua pihak. Kenyataan ini disokong oleh Kemalok dan Mohamed (2020) yang menyifatkan nilai kejujuran ialah sikap individu yang tidak akan mengkhianati komunitinya dalam apa juga keadaan. Nilai kejujuran ini memperlihatkan kesetiaan seseorang dalam menegakkan keadilan kepada komuniti. Oleh itu, individu ini sanggup berdepan dengan pelbagai risiko demi mempertahankan kebenaran dalam komunitinya.

Nilai kejujuran melalui sikap dalam berkata-kata

Menurut Hasanudin dan Jamian (2021) sikap jujur dalam berkata-kata ialah suatu percakapan yang mengiyakan kebenaran atau kesaksian seseorang individu. Setiap kata-kata yang dilontarkan tidak akan menyembunyikan apa-apa kebenaran. Oleh itu, setiap kata-kata yang jujur akan mendapatkan kepercayaan majoriti daripada masyarakat setempat. Kenyataan ini disokong oleh Ismail (2017) yang mendefinisikan nilai kejujuran ialah perlakuan individu yang tidak melindungi perbuatan yang salah. Individu ini akan berusaha untuk membanteras perlakuan negatif seperti berbohong dan memberi kesaksian palsu dalam kalangan masyarakat. Individu ini tidak akan bertolak-ansur dengan perbuatan yang membenarkan sesuatu yang salah terjadi dalam masyarakatnya. Sikap jujur dalam berkata-kata mampu dilihat dalam tajuk cerita Pak Kadok. Sikap ini jelas diperincikan dalam petikan di bawah:

“Tak payahlah awak berangan-angan. Cukuplah kita dengan pakaian yang ada. Cukuplah kita dengan rumah yang ada. Awak bukan pandai meyabung ayam. Nanti kalah kita. Lagipun kita orang miskin. Apalah yang kita ada untuk ditaruhkan.”
Kata Mak Siti.

(Hamzah, 2016)

Berdasarkan petikan di atas, sikap jujur dalam berkata-kata mampu dilihat pada watak Mak Siti. Mak Siti ialah isteri kepada Pak Kadok. Watak Mak Siti dilihat jujur memberi pesanan kepada suaminya, Pak Kadok. Hal ini terjadi kerana hasrat Pak Kadok untuk bermain sabung ayam di gelanggang Raja Indera Sari. Mak Siti tidak bersetuju

dengan cadangan Pak Kadok. Hal ini kerana Mak Siti tahu Pak Kadok bukan seorang yang pandai sabung ayam. Tambahan pula, kehidupan mereka sangat daif untuk mencari sesuap nasi. Mak Siti menyuarakan pendapatnya dengan berkata jujur bagi membantah hasrat suaminya. Namun, suaminya tetap dengan keputusannya. Seterusnya, sikap jujur dalam berkata-kata juga mampu dilihat pada cerita Pak Kadok. Sikap ini diterangkan seperti petikan di bawah:

Berkatalah Mak Siti “Adakah nak buat baju daripada kertas? Nanti tidak tahan lama. Kalau dipakai, mudah terkoyak dan tercarik. Awak juga yang malu nanti bertelanjang di gelanggang!”

(Hamzah, 2016)

Melalui petikan ini, watak Mak Siti telah menegur suaminya iaitu Pak Kadok untuk tidak mengenakan baju yang diperbuat daripada kertas. Namun tidak diendahkan oleh Pak Kadok. Pak Kadok ingin kertas yang dibelinya itu dijahit dalam kadar segera. Mak Siti berusaha menasihati Pak Kadok agar melupakan hasratnya itu. Hal ini kerana Mak Siti bimbang baju kertas yang ingin dikenakan oleh Pak Kadok akan tercarik. Suaminya juga yang akan menanggung malu. Malangnya Pak Kadok tetap dengan pendiriannya. Mak Siti terpaksa menjahit baju dengan kertas yang dibeli oleh Pak Kadok. Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan oleh Awang (2019). Pendekatan kemasyarakatan lebih menekankan kehidupan komuniti yang sejahtera dan harmoni. Kehidupan yang sejahtera dan harmoni mampu dicapai apabila komuniti bersatu hati dan saling percaya antara satu sama lain. Bagi membina anggota yang harmoni, masyarakat perlu jujur dalam tindakan dan percakapan. Melalui penyampaian cerita rakyat, penglipur lara sering menggunakan perwatakan watak yang positif dan berhati luhur. Hal ini bagi mendidik masyarakat untuk memperbaiki akhlak dengan jujur dalam perbuatan atau perkataan. Kesannya, kepercayaan dalam komuniti mampu ditingkatkan secara berperingkat.

Nilai kejujuran melalui sikap amanah dalam menjalankan tugas

Menurut Hamizan et al. (2021) sikap amanah dalam menjalankan tugas ialah satu bentuk tanggungjawab yang dipegang oleh seseorang individu. Tugas disandang itu dijalankan dengan penuh dedikasi tanpa sebarang keluhan. Kesannya, tugasan itu mampu diselesaikan dengan sempurna oleh individu yang dipertanggungjawabkan. Kenyataan ini disokong oleh Yaacob et al. (2017) yang mentakrifkan sikap amanah dalam menjalankan tugas ialah satu bentuk komitmen yang menjamin kualiti kerja. Sikap amanah meliputi tanggungjawab individu terhadap pemerintahan, pekerjaan dan hubungan sosial masyarakat. Sikap amanah ini mendorong masyarakat untuk saling membina hubungan yang baik. Sikap amanah dalam menjalankan tugas mampu dilihat dalam tajuk cerita Pak Kadok. Sikap ini jelas dihuraikan seperti petikan di bawah:

Apabila kalah hilanglah harta negeri. Kalau menang, hadiah taruhan itu digunakan untuk bersuka ria dan berhibur. Habis harta negeri diambilnya untuk dijadikan pertaruhan. Bendahara dan pembesar lain selalu menasihatkan baginda supaya berhenti menyabung ayam. Walaupun begitu, nasihat mereka tidak diendahkan.

(Hamzah, 2016)

Berdasarkan petikan di atas, sikap amanah dalam menjalankan tugas mampu dilihat pada watak bendahara dan pembesar negeri. Bendahara dan pembesar negeri telah menjalankan tugas dengan sebaik mungkin. Mereka juga saling menasihati Raja Indera Sari untuk tidak menyabung ayam lagi. Hal ini kerana harta negeri menjadi taruhan Raja Indera Sari. Apabila kalah, harta negeri akan berkurangan. Secara tidak langsung, ekonomi negeri menjadi merosot. Oleh sebab itu, bendahara dan pembesar negeri berusaha menasihati Raja Indera Sari agar fokus mentadbir negeri. Walau bagaimanapun, Raja Indera Sari tetap dengan kegiatan menyabung ayam. Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu oleh Awang (2019) menerusi pendekatan kemasyarakatan. Pendekatan kemasyarakatan merujuk keharmonian yang digagaskan dalam agama Islam demi membina masyarakat yang rukun dan bersatu hati. Melalui cerita rakyat yang disampaikan, penglipur lara memperlihatkan hubungan baik dalam sebuah pemerintahan negeri. Perkara ini jelas apabila watak pemimpin dinasihati oleh pembesar negeri demi kebaikan pentadbiran negeri tersebut. Hal ini kerana watak sampingan seperti bendahara dan pembesar berusaha untuk menjadikan negeri Cempaka Sari lebih makmur dan harmoni. Oleh itu, mereka berusaha menjalankan amanah yang diberikan agar negeri Cempaka Sari mampu dibangunkan kembali. Oleh itu, pembesar dan bendahara perlu memastikan rajanya berubah sikap demi kemasyhuran bersama.

Sikap kejujuran melalui sikap ikhlas dalam perbuatan

Sikap Ikhlas dalam perbuatan merujuk kepada tingkah laku individu yang merelakan sesuatu situasi atau perbuatan terhadapnya. Menurut Rahman et al. (2021) ikhlas dalam perbuatan meliputi sikap individu yang tidak menyembunyikan kebenaran. Sikap ikhlas ini merangkumi tingkah laku jujur dalam melaksanakan tanggungjawab. Kenyataan ini disokong oleh Hasanudin dan Jamian (2021) yang mendefinisikan ikhlas dalam perbuatan ialah tingkah laku individu yang gemar membantu orang lain tanpa mengharapkan apa-apa balasan. Oleh itu, individu ini tidak sesekali mengharapkan pujian atas manfaat perlakuannya kepada masyarakat setempat. Kesannya, sikap dan perilaku individu tersebut mampu dijadikan teladan kepada anggota masyarakat lain untuk menerapkan gaya hidup yang positif. Sikap ikhlas dalam perbuatan mampu dilihat pada tajuk cerita Pak Kadok. Sikap ini jelas diperincikan seperti petikan di bawah:

Pak Kadok yang mendengarkan kata-kata raja terus terasa girang kerana raja mengambil berat hal dirinya. Dengan besar hati Pak Kadok mengangkat sembah dan berkata “Ampun tuanku beribu-ribu ampun. Jikalau begitulah titah tuanku, relalah patik.”

(Hamzah, 2016)

Berdasarkan petikan di atas, sikap ikhlas dalam perbuatan mampu dilihat pada watak Pak Kadok. Pak Kadok ialah orang tua di negeri Cempaka Sari. Orangnyanya sangat lurus dan naif dalam berkata-kata. Pada suatu hari, Pak Kadok ingin menyabung ayamnya di gelanggang Raja Indera Sari. Oleh kerana sikapnya yang naif, Pak Kadok berjaya ditipu oleh Raja Indera Sari dengan menukarkan ayam Pak Kadok. Pak Kadok yang tidak mengetahui dirinya ditipu telah bersedia untuk menukarkan ayamnya dengan ayam Raja Indera Sari. Pak Kadok merasakan Raja Indera Sari adalah raja yang baik hati kerana peduli akan rakyat jelata sepertinya. Pak Kadok ikhlas dan merelakan penukaran itu

terjadi. Malangnya, ayam milik Pak Kadok memenangi pertandingan tersebut. Namun, Pak Kadok tidak peroleh apa-apa kerana ayamnya telah ditukarkan dengan ayam Raja Indera Sari. Pak Kadok yang menyedari dirinya ditipu tidak berkata apa-apa kerana sedar dialah yang bersetuju untuk menukarkan ayam tersebut. Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan oleh Awang (2019). Pendekatan kemasyarakatan meliputi aspek permaknaan tersirat dalam penyampaian ilmu pengetahuan. Pendekatan kemasyarakatan dalam cerita rakyat Melayu lebih menekankan makna tersirat untuk menegur kesalahan anggota komuniti. Oleh itu, penglipur lara berperanan untuk menegur kesalahan itu dengan menentengahkan elemen positif seperti ikhlas dan amanah dalam perbuatan. Watak-watak dalam cerita rakyat yang memiliki elemen sebegini lebih cenderung untuk mengubah persepsi negatif terutama terhadap cerita berunsurkan jenaka. Walaupun watak yang diperlihatkan berkonsepkan lurus bendul, namun watak ini mampu dijadikan iktibar agar masyarakat pada hari ini tidak mengulangi perlakuan yang sama.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini mendapati terdapat nilai kejujuran yang mampu diangkat bagi membentuk jati diri menerusi penyampaian cerita rakyat Melayu. Nilai kejujuran seharusnya ditegaskan dalam masyarakat agar tidak mengulangi perkara yang sama. Oleh itu, cerita rakyat berkonsepkan elemen jenaka juga mampu mencegah perbuatan yang tidak baik dilakukan dalam masyarakat setempat. Kesannya, masyarakat Melayu mampu membina satu jati diri yang positif serta menjadi lambang keperibadian kepada komuniti yang berintegriti dan inovatif.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Awang, H. (2019): Teori pengkaedahan Melayu dan prinsip penerapannya. – Dewan Bahasa dan Pustaka 23p.
- [2] Bakar, R.A., Van Engelenhoven, A. (2016): Alam dan Budaya Masyarakat Melayu dalam Hikayat Pelanduk Jenaka. – Jurnal Kesidang 1(1): 20-49.
- [3] Hamizan, M.Q., Ali, A.W., Sallehuddin, A.K.B. (2021): Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat untuk Orang Melayu di Sarawak untuk Persembahan Teater: The Documentation of Oral Tradition in Malay Sarawak Folktales for Theatre Performance. – *Advances in Humanities and Contemporary Studies* 2(2): 34-41.
- [4] Hamzah, I. (2016): Terlajak Sengal? Pak Kadok VS Pak Pandir. – Kuala Lumpur: E-Media Multimedia Group Sdn. Bhd. 266p.
- [5] Hasanudin, M.I.W., Jamian, M.N. (2021): Struktur naratologi dan citra ibu dalam cerita legenda si tenggang, si malin kundang dan nakhoda manis. – *Jurnal Melayu* 21p.

- [6] Ismail, M.F. (2017): Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan, Malaysia. – Universiti Putra Malaysia 140p.
- [7] Ismail, M.S., Bakar, R.A., Effendy, N.R.N.M. (2018): Cerita jenaka Melayu suatu manifestasi watak dan perwatakan positif. – Jurnal Melayu Sedunia 1(1): 296-329.
- [8] Kemalok, J., Mohamed, M. (2020): Peranan Mitos dalam Masyarakat Orang Asli Kampung Peta, Endau, Mersing, Johor. – International Journal of the Malay World and Civilisation 8(1): 75-82.
- [9] Mamat, S.F. (2019): Kisah Sang Kancil dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-Kanak. – Jurnal Kesidang 4(1): 77-89.
- [10] Rahman, M.N.A., Malek, A.A., Mansor, M.A. (2021): Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak: Culturally Responsive Pedagogy Through Folk Tales for Early Childhood Literacy Skills. – Sains Insani 6(1): 91-98.
- [11] Rahman, M.N.A., Nor, M.M., Darus, R., Noor, A.S.M., Daud, A., Lintang, R., Muhamad, N.A. (2017): Cerita rakyat orang asal Sabah sebagai medium pembelajaran asas literasi: Analisis keperluan. – JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik 5(4): 26-30.
- [12] Yaacob, M.F.C. (2021): Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu. – Jurnal Peradaban Melayu 16(2): 1-12.
- [13] Yaacob, M.F.C., Abdillah, N. (2017): Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Melalui Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Diselenggara oleh Aripin Said & Othman Puteh. – Journal of Business and Social Development 5(2): 67-74.
- [14] Yaacob, M.F.C., Abdillah, N., Ghani, M.I.A., Shahrudin, S.N., Apandi, S.N.A.M. (2017): Cerminan moral positif dalam cerita-cerita rakyat Melayu. International Journal of Language Education and Applied Linguistics. – International Journal of Language Education and Applied Linguistics 6: 35-44.